

# Peneroka bakal jadi Melayu contoh

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

UM : 9/7/2007

**PUTRAJAYA** 8 Julai – Felda berhasrat menjadikan kehidupan masyarakat peneroka sebagai contoh kepada orang Melayu di negara ini terutamanya pencapaian mereka dalam aspek pendidikan, keusahawanan dan pembangunan sosioekonomi.

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor berkata, beliau yakin hasrat tersebut akan dicapai dalam tempoh 50 tahun lagi berdasarkan gaya hidup lebih sejuta warga Felda yang utuh dalam organisasi itu.

“Saya yakin hasrat ini akan menjadi kenyataan jika seluruh masyarakat Felda mampu menjadi satu keluarga besar yang bernaung di bawah satu organisasi dan membuktikan bahawa inilah contoh yang terbaik dan harus diteladani.

“Sesungguhnya inilah sumbangan yang hendak kita berikan kepada negara apabila menyambut Hari Kemerdekaan ke-100 pada masa hadapan,” katanya ketika merumuskan hasil Konvensyen Felda 2007 sem-

**Saya yakin hasrat ini akan menjadi kenyataan jika seluruh masyarakat Felda mampu menjadi satu keluarga besar yang bernaung di bawah satu organisasi**

pena sambutan Jubli Emas Hari Peneroka 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Sebanyak lapan kertas kerja bagi merealisasikan lima teras pembangunan Felda 50 tahun kedua dibentangkan pada konvensyen tiga hari itu yang berakhir hari ini.

## Kejayaan

Menurutnya, kejayaan yang dikecapi oleh Felda dalam membantu membasmi kemiskinan tegar di kalangan masyarakat Melayu disebabkan kerjasama yang terjalin antara

peneroka, pengurusan, kerajaan dan swasta.

Mohd. Yusof berkata, usaha secara individu tidak akan membuahkan hasil tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak yang terbabit secara langsung dalam pembangunan Felda.

Tambahnya, kejayaan Felda yang boleh disifatkan sebagai membanggakan pada hari ini merupakan hasil kombinasi titik peluh para peneroka, pengurusan dan kerajaan.

“Bagi meneruskan kejayaan pembangunan Felda bagi tempoh 50 tahun kedua, semua warga Felda perlu mengubah pemikiran supaya lebih terbuka, kreatif dan inova-

tif,” ujarnya.

Tambahan pula, jelas beliau, transformasi minda bukan hanya di kalangan peneroka tetapi juga generasi kedua dan kakitangan Felda yang perlu menggembleng tenaga untuk merealisasikan lima teras pembangunan Felda itu.

“Kita mahu pembangunan 50 tahun kedua Felda lebih baik daripada pembangunan 50 tahun pertama. Bagi merealisasikan kejayaan itu, pengurusan berasaskan pemikiran kreatif dan inovatif perlu diperkukuh dan dijadikan amalan,” katanya.

Beliau memuji kemampuan kira-kira

400 anak peneroka Felda di Universiti LimKokWing, Cyberjaya, yang mampu menguasai bahasa Inggeris dan bergaul dengan pelajar asing dalam tempoh yang singkat.

Katanya, kejayaan tersebut membuktikan anak peneroka Felda mempunyai potensi cemerlang untuk berjaya dan bersaing dengan pelajar asing.

“Buktinya mereka sudah boleh berbahasa Inggeris dengan fasih, jika sekali dengar bukan seperti orang Felda tetapi seperti orang putih, ini yang kita mahukan,” tambahnya.